

# Pelabuhan Barat akan tingkatkan ekonomi

Oleh **KAMARUZAMAN MOHAMAD** dan **ZULKIFLI BAKAR**

**P**ELABUHAN KLANG 2 Jun— Malaysia dijangka mampu meningkatkan lagi bilangan kapal yang singgah di negara ini apabila projek pembinaan Pelabuhan Barat di Pulau Indah dekat sini siap sepenuhnya, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, dengan kemasukan kapal-kapal yang banyak ke negara ini, ia secara tidak langsung akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Perdana Menteri yang berpuas hati dengan kerja-kerja terakhir pembinaan Pelabuhan Barat itu berkata, negara kini kekurangan kemudahan pelabuhan dan dengan itu kewujudan Pelabuhan Barat amat penting kepada ekonomi negara.

"Saya percaya pelabuhan ini akan mencapai matlamat daripada segi persiapannya," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada wartawan selepas meninjau perkembangan terakhir pelabuhan yang berharga RM1.5 bilion petang ini.

Pada lawatan itu, beliau diiringi Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik dan

Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Datuk Michael Chen.

Sebelum itu Dr. Mahathir telah diberikan taklimat oleh Pengurus

Besar Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), M. Rajasingam mengenai kemajuan projek tersebut. Pelabuhan Barat itu yang akan memulakan operasi di bawah fasa pertamanya Oktober ini, akan mengandungi tiga dermaga kontena dan kargo am serta dua dermaga pukal cecair.

Katanya, projek Pelabuhan Barat dibiayai sepenuhnya daripada kedudukan kewangan LPK tanpa membuat sebarang pinjaman.

Beliau berkata, Pelabuhan Barat, yang lebih besar daripada dua lagi komponen Pelabuhan Klang iaitu Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Selatan, dibina bagi mempersiapkan pelabuhan utama negara sehingga ke abad 21.

"Bagi mengimbangi purata kadar pertumbuhan pengendalian kargo di Pelabuhan Klang sebanyak 6.6 peratus sehingga tahun 2000, LPK telah menyiapkan diri dengan laluan baru Pelabuhan Barat," katanya.